

**MINIT MESYUARAT
PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL. 1/2019**

Kementerian : **Kementerian Kewangan**

Jabatan : **Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Tarikh : **23 Mei 2018 (Khamis)**

Masa : **9.00 pagi**

Tempat : **Dewan Persidangan Sri Rampai,
Aras 3, Blok Selatan,
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Presint 2, Putrajaya**

Pengerusi : **YBhg. Dato' Paddy bin Abd. Halim
Ketua Pengarah Kastam Malaysia
Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Pengerusi Bersama : **Encik S. Rajakumaran
Chairman,
*Focus Group Trade Facilitation – MICCI***

Kehadiran : **Seperti di Lampiran 1**

1.0 UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 YBhg. Dato' Paddy Bin Abd. Halim selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil-wakil agensi dan pihak swasta kerana dapat meluangkan masa untuk bersama-sama hadir ke Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 1 bagi tahun 2019.
- 1.2 Pengerusi mengucapkan syukur kerana mesyuarat pada kali ini jatuh dalam bulan Ramadhan, beliau turut mengucapkan Salam Ramadhan dan selamat berpuasa kepada ahli mesyuarat yang beragama islam. Dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak urus setia yang telah berjaya merencanakan mesyuarat pada kali ini dengan baik.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan bagi suku pertama 2019, pertumbuhan ekonomi negara telah berjaya dikekalkan pada kadar 4.5% disebabkan oleh teras ekonomi negara yang kukuh melalui sumber pertumbuhan yang pelbagai dan tidak bergantung kepada mana-mana sektor atau pasaran secara spesifik. Kadar pertumbuhan ini adalah baik walaupun negara berhadapan dengan pelbagai faktor persekitaran luar yang mencabar dan ketidaktentuan ekonomi serantau.
- 1.4 Beliau turut menyatakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang kerajaan akan terus memberi penekanan dalam memperkasa aktiviti ekonomi domestik dengan menggalakkan sektor swasta untuk terus memacu pelaburan. Jabatan akan turut memainkan peranan dalam memberi fasilitasi perdagangan mengikut perundangan yang telah ditetapkan.
- 1.5 Pengerusi turut memaklumkan bahawa Jabatan Kastam sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan pihak swasta dalam usaha membangunkan perkhidmatan berkaitan perihal perkastaman negara. Beliau turut menerima baik dan menghargai sumbangan, cadangan dan pendapat yang diutarakan oleh pihak swasta dalam mesyuarat-mesyuarat panel perundingan yang lepas.
- 1.6 Pengerusi menyatakan bahawa melalui mesyuarat panel perundingan ini juga usul-usul pihak swasta dapat diteliti dengan jelas berdasarkan kepada fakta yang betul. Seterusnya apa-apa juar keputusan yang dibuat oleh Jabatan akan menjadi penyelesaian isu-isu penting secara tepat dan efektif.

- 1.7 Pengerusi memaklumkan mesyuarat pada kali ini akan membincangkan 14 perkara berbangkit dan 7 usul baru. Selain itu terdapat juga 10 usul baru yang telah diterima lewat dan akan dibincangkan sebagai hal-hal lain. Beliau turut menyakinkan bahawa maklum balas yang telah dibuat oleh JKDM mahupun Kementerian Kewangan telah mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak.
- 1.8 Di akhir ucapan, Pengerusi menyatakan bahawa adalah menjadi harapan beliau agar mesyuarat kali ini dapat menzahirkan penyelesaian serta kekal sebagai sebuah medium jalinan kerjasama strategik yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua belah pihak.

TINDAKAN : MAKLUMAN

2.0 UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

- 2.1 Pengerusi Bersama, Encik S. Rajakumaran mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato' Pengerusi serta semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada kali ini.
- 2.2 Beliau memulakan ucapan dengan ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Paddy di atas perlantikannya sebagai Ketua Pengarah Kastam yang ke-14 serta sebagai mewakili pihak swasta beliau menyatakan sokongan padu kepada Jabatan Kastam akan sentiasa diberikan seperti sebelum ini.
- 2.3 Pengerusi Bersama menyatakan sejak bulan Mei 2018 Jabatan Kastam telah melalui tempoh yang sangat mencabar dimana sistem percukaian negara sekali lagi berubah daripada GST kepada SST. Walau bagaimanapun SST baharu turut banyak cabarannya kepada sektor swasta, dimana ianya turut melibatkan peningkatan kos untuk menjalankan perniagaan.
- 2.4 Pengerusi Bersama turut memaklumkan dalam usaha bagi meluaskan pengenaan cukai perkhidmatan khususnya, sesetengah perniagaan dikenakan cukai secara tidak langsung. Perkhidmatan pengurusan telah digunakan bagi mengenakan cukai terhadap mana-mana perniagaan perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan secara langsung sebagai contoh pengurusan perkhidmatan pergudangan, pengurusan perkhidmatan pembersihan dan pengurusan perkhidmatan pelancongan yang menimbulkan banyak kekeliruan.

- 2.5 Beliau turut menekankan sekiranya kerajaan ingin mengenakan cukai bagi jenis-jenis perniagaan berikut ianya harus dinyatakan secara terus dan bukan melalui cara yang menyukarkan pihak perniagaan. Lebih baik mengenakan cukai bagi semua jenis perkhidmatan dan mempunyai *negative list* yang jelas.
- 2.6 Pengerusi Bersama turut menyatakan beliau mengharapkan dengan perlantikan YBhg. Dato' Pengerusi sebagai KPK yang baharu, banyak pembaharuan dalam Jabatan akan dibuat bagi memudahkan aktiviti perniagaan agar lebih jelas dan pasti bagi membantu Jabatan di dalam perlaksanaan SST.

TINDAKAN : MAKLUMAN

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 3.1 Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 2 Tahun 2018 pada 19 Disember 2018 telah disahkan tanpa pindaan dan diterima oleh majoriti ahli mesyuarat.

TINDAKAN : MAKLUMAN

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 DIFFERENT CUSTOMS PROCEDURES ADOPTED BY FREE ZONES IN DIFFERENT STATES OLEH MICPA

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Bahagian Perkastaman memaklumkan bahawa Akta Zon Bebas 1990 (Pindaan) telah diluluskan di Dewan Rakyat.
- ii. Sebanyak 7 naziran Zon Bebas telah dijalankan merangkumi Melaka, Johor, Pulau Pinang, Kelantan, Sarawak, WPKL dan Perak dan akan diteruskan di negeri - negeri yang terlibat
- iii. Laporan bagi setiap naziran telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.
- iv. JKDM telah memuatnaik panduan penggunaan borang-borang bagi setiap pergerakan keluar/masuk Zon Bebas ke dalam portal JKDM. Pautan link : www.customs.gov.my/ms/pg/Pages/pg_fz.aspx
- v. Pelaksanaan prosedur Zon Bebas adalah tertakluk di bawah Akta Zon Bebas 1990 dan Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991.
- vi. Kementerian Kewangan memaklumkan Pindaan ke atas Akta Zon Bebas 1990 telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 9 April 2019 dan seterusnya diluluskan oleh Dewan Negara pada 7 Mei 2019. Pindaan ke atas Akta Zon Bebas ini adalah melibatkan penambahbaikan ke atas peruntukan sedia ada serta memasukkan peruntukan baharu yang antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan penguatkuasaan dan kawalan kastam di zon bebas.
- vii. Berdasarkan penelitian ke atas laporan naziran oleh JKDM, didapati antara isu utama yang berbangkit adalah kelemahan kawalan pihak berkuasa zon. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dan JKDM akan membuat sesi *engagement* bersama pihak berkuasa zon yang berkaitan dari semasa ke semasa.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengurus Mesyuarat meminta Bahagian Perkastaman untuk bersama-sama menyelaraskan perkara ini dalam tempoh 3 bulan.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.2 MASALAH HANGING DOCUMENTS OLEH FMFF

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Bahagian Perkastaman memaklumkan merujuk kepada surat **KE.HE(44)001/01-3(A)Klt.14(24)** bertarikh **06 April 2018** menyatakan tindakan Unit Kawalan Ejen (UKE) yang perlu diambil ialah:-
 - a. Memaklumkan ejen berkaitan *Hanging Document* melalui surat dan emel.
 - b. Ejen diberikan tempoh masa tujuh (7) hari untuk menyelesaikan *Hanging Documents*
 - c. Menghubungi syarikat melalui penggilan telefon dan merekod butiran panggilan telefon.
 - d. Mengeluarkan surat peringatan selama tujuh (7) hari apabila tiada maklumbalas.
 - e. Mengeluarkan surat peringatan seterusnya memberikan tempoh masa tujuh (7) hari kepada ejen untuk menyelesaikan HD
 - f. Sekiranya tiada tindakan yang diambil oleh pihak ejen, maka tindakan sekatan dibuat dalam Sistem Maklumat Kastam.
- ii. Tempoh masa yang diberikan adalah **21 hari** dari tarikh surat peringatan pertama dikeluarkan adalah memadai untuk ejen mengambil tindakan yang perlu disamping pemberitahuan melalui emel dan surat rasmi yang disusuli dengan panggilan telefon yang dibuat oleh Unit Kawalan Ejen di setiap Zon / Negeri.
- iii. Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat peringatan berkaitan *Hanging Document* kepada Pen KPK Zon / Pengarah Kastam Negeri ruj. **KE.HE(44)413/03**

Klt.26(28) bertarikh 12 Mac 2019 untuk mengambil tindakan penyelesaian *Hanging Document* bagi tahun 2018 dan 2019.

- iv. Mesyuarat berkaitan cadangan FedEx telah diadakan pada 18 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut terdapat isu-isu teknikal berkaitan sistem dan mesyuarat memutuskan syarikat dan *service provider* untuk membincangkan hal tersebut.
- v. Hasil daripada perbincangan tersebut Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan keperluan untuk penambahbaikan ke atas SMK dan memerlukan tambahan kos.
- vi. Seterusnya, satu mesyuarat bersama pihak pengurusan tertinggi telah diadakan pada 11 Mac 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar. Mesyuarat mendapati, cadangan tersebut mampu mempercepatkan proses pelepasan barang tetapi masih belum dapat menyelesaikan masalah borang K8 yang tertunggak sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan bahawa kertas cadangan yang dikemukakan **TIDAK DAPAT DIPERTIMBANG** untuk dilaksanakan. Surat keputusan mesyuarat telah dikemukakan kepada FedEx bertarikh 28 Mac 2019 no. Rujukan: KE.HE(44)411/02-1(A)Klt.4 (23).

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- iv. Pengurus Mesyuarat meminta Bahagian Perkastaman mengadakan RTD bersama negeri Pulau Pinang, KLIA, Johor dan Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat.
- v. Pengurus Mesyuarat minta untuk dikeluarkan surat kepada pihak swasta merujuk kepada surat **KE.HE(44)001/01-3(A)Klt.14(24)** bertarikh **06 April 2018** menyatakan tindakan Unit Kawalan Ejen (UKE) yang perlu diambil.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.3 KURSUS EJEN KASTAM DALAM DWI-BAHASA OLEH AFAM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Jabatan lazimnya mengadakan mesyuarat secara berkala (2 kali setahun) bersama dengan pihak swasta dan UUM bagi membincangkan isu-isu berhubung dengan KEK dan KEP. Mesyuarat ini diuruskan oleh Cawangan Latihan Ibu Pejabat. Mesyuarat Bil. 1/2019 dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2019.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada lagi isu berkenaan dengan KEK dan KEP dalam dwi-bahasa.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.4 PENGGUNAAN KAEDAH CoR DI SEMUA STESEN KASTAM DI SELURUH NEGERI OLEH CAPEC

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Bahagian Perkastaman memaklumkan mesyuarat telah diadakan pada 25 Februari 2019 bersama :
 - a. Bahagian Pengurusan Pematuhan
 - b. Bahagian Perkhidmatan Teknik
 - c. Bahagian Teknologi Maklumat
 - d. Bahagian Perundungan
- ii. Keputusan mesyuarat Bahagian Pengurusan Pematuhan telah mengambil maklum mengenai penggunaan COR/CRD yang dicetak melalui WebCOR untuk pelepasan barang.
- iii. Bahagian Pengurusan Pematuhan telah mengambil tindakan bagi membolehkan pegawai membuat semakan dan pengesahan COR melalui sistem SMK untuk tujuan audit.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengurus Mesyuarat mengambil maklum bahawa untuk tujuan audit, Bahagian Pengurusan Pematuhan akan membuat semakan melalui sistem.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.5 LONG DETAINED OF CARRIERS' CONTAINERS BY CUSTOMS OLEH SAM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Pelepasan kontena adalah tertakluk kepada perkara seperti berikut :
 - a. Syarikat Agen Perkapalan selaku pemilik kontena tersebut disyorkan mengemukakan surat permohonan bertulis tuntutan pelepasan kontena kepada Ketua Pengarah Kastam;
 - b. memenuhi syarat-syarat pelepasan yang dibenarkan mengikut garis panduan bagi pelepasan kontena (*used in the commission of offence*) yang sedang berkuatkuasa;
 - c. kes yang melibatkan proses perbicaraan dan rayuan kes sivil, pelepasan kontena yang ditahan tidak dibenarkan bagi memastikan '*chain of custody*' terpelihara; dan
 - d. proses pelupusan adalah bergantung pada tempoh kelulusan peruntukan kewangan dari pihak MOF.
- ii. Justeru itu, adalah diharapkan pihak SAM turut membantu JKDM dalam membanteras kes-kes penyeludupan sekaligus dapat mengurangkan penahanan kontena oleh JKDM.

- iii. Berdasarkan kepada pemantauan penahanan kontena dalam tempoh 5 bulan ini, status adalah seperti berikut :

	SAM	JKDM
Status Data	18.01.2019	08.05.2019
Jumlah Kontena Ditahan	186 unit	192 unit
Bil. Agen Perkapalan	17 agen	20 agen
Dilepaskan (selesai)		59 unit
Sedia untuk Dilepaskan		15 unit
Dilepaskan selepas proses pelupusan selesai		52 unit
Lucuthak s.127(3) AK 1967		4 unit
Proses Mahkamah (proses rayuan)		1 unit
Dalam Siasatan		49 unit
Jumlah Keseluruhan Kontena ditahan JKDM		180 unit
Di bawah tindakan/penahanan LPK/PDRM		12 unit

- iv. Jumlah keseluruhan kontena yang ditahan JKDM adalah sebanyak **180 unit** dan yang telah/dalam proses dilepaskan adalah sebanyak **126 unit (70%)**. Manakala sebanyak **5 unit (2.7%)** telah dilucuthak/proses rayuan. Hanya baki sebanyak **49 unit (27.2%)** lagi masih dalam proses siasatan.
- v. Di samping kontena yang ditahan JKDM, terdapat 12 unit kontena adalah di bawah tindakan dan ditahan oleh LPK/PDRM.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat meminta Bahagian Penguatkuasaan mengeluarkan surat serta senarai kontena yang ditahan

kepada SAM untuk pemakluman kepada ahli. Pemakluman tersebut hendaklah terhad kepada nombor kontena sahaja untuk menjaga kerahsiaan.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.6 LMW ONLINE APPLICATION OLEH FMM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- a. Bahagian Perkastaman memaklumkan semua kefungsian berkaitan modul LMW telah selesai dibangunkan ke dalam sistem uCustoms dan kini dalam peringkat pengujian, *User Acceptance Test (UAT)* sahaja sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat mengambil maklum bahawa berkaitan modul LMW di dalam sistem uCustoms yang kini dalam peringkat pengujian, *User Acceptance Test (UAT)*.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.7 CUSTOMS EXEMPTION OF IMPORT DUTY UNDER ATIGA OLEH FMM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Bahagian Perkastaman memaklumkan bahawa merujuk kepada keputusan mesyuarat yang lepas, Pengerusi telah meminta FMM membawa isu ini kepada JKDM Pulau Pinang. Perkara ini telah dirujuk kepada JKDM Pulau Pinang. Namun begitu isu ini tidak dibangkitkan oleh FMM kepada pihak kastam negeri.
- ii. ZPB JKDM Pulau Pinang memaklumkan bahawa proses bagi laporan sokongan permohonan kadar bersamaan ATIGA mengambil masa lebih kurang 10 hari bekerja di ZPB Bayan

Lepas jika dokumen lengkap dan tiada kuiri ke atas dokumen yang lampirkan.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengurus Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara ini telah diselesaikan oleh JKDM Pulau Pinang.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.8 LMW EXPORT RAW MATERIAL AND PACKAGING MATERIAL OLEH FMM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. GPB JKDM Pulau Pinang dan Prai memaklumkan bahawa secara prinsip syarikat GPB dibenarkan untuk mengimport bahan mentah termasuk *packaging material* di bawah pengecualian duti import dan cukai jualan bagi menjalankan aktiviti pengilangan berorientasikan pasaran eksport. Sebarang bentuk aktiviti trading yang melibatkan bahan mentah diperolehi dengan pengecualian duti/cukai bagi kegunaan syarikat GPB adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- ii. Walaubagaimanapun seandainya mana-mana syarikat GPB mengemukakan permohonan untuk mengeksport bahan mentah termasuk *packaging material* bagi tujuan-tujuan seperti mana yang dinyatakan dalam perkara 5.8 (a) I (a,b,c,d) Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil. 2/2018, maka permohonan tersebut adalah dipertimbangkan dan diluluskan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut :-

- 1) Syarikat GPB mengemukakan dokumen sokongan yang mencukupi sebagai justifikasi permohonan tersebut seperti :

- i. Surat atau sebarang bukti dokumentasi permintaan daripada pelanggan GPB di luar negara.
- ii. Lain-lain bukti seperti gambar, *quality report* untuk *damaged packaging material* daripada pelanggan GPB luar negara.
- iii. Lain-lain justifikasi yang dirasakan perlu mengikut jenis permohonan.

2) Kuantiti bahan mentah termasuk *packaging material* yang dipohon adalah pada kadar yang munasabah iaitu bersesuaian dengan tujuan penggunaannya (termasuk bahan mentah yang dihantar untuk tujuan sample).

Sebarang permohonan yang gagal memenuhi syarat-syarat di atas adalah tidak diluluskan bagi mengelakkan berlaku sebarang penyalahgunaan bahan mentah termasuk *packaging material* di bawah kemudahan GPB.

- iii. Bahagian Perkastaman memaklumkan secara dasarnya aktiviti *trading / buy and sell / material supports system / total solution* melibatkan bahan mentah yang diperolehi dengan pengecualian duti / cukai di bawah pelesenan GPB adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun sedikit kelonggaran diberikan dalam situasi berikut;
 - a. Penjualan / pengeksportan bahan mentah sebagai alat ganti (*warranty parts*)
 - b. Eksport semula bahan mentah yang rosak / tidak mengikut spesifikasi / tidak lagi digunakan dalam pengilangan.
 - c. Penghantaran bahan mentah bagi tujuan pengujian / baikpulih.
- iv. Bagi tujuan permohonan di atas, pertimbangan dan keputusan adalah di bawah bidangkuasa Pengarah Kastam Negeri.
- v. Bagi senario selain daripada dinyatakan di atas, permohonan ini akan diambil tindakan berdasarkan '*case to case basis*' yang memerlukan keputusan

lanjut daripada pihak Kementerian Kewangan Malaysia.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat meminta supaya dikeluarkan satu garis panduan berhubung dengan perkara ini.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.9 SOP TO WITHDRAW SHIPMENT FROM THE PORT AREA OLEH CRSA

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Bahagian Perkastaman telah membuat kajian berkaitan perkara ini di Pelabuhan Kastam dan Pelabuhan Zon Bebas. Sehubungan itu, draf Pekeliling berkaitan **Garis Panduan Pelepasan Barang Yang Dibawa Masuk Semula Di Pelabuhan Kastam dan Pelabuhan Zon Bebas (Withdraw Shipment)** akan diedarkan di setiap negeri apabila dimuktamadkan.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat meminta **Garis Panduan Pelepasan Barang Yang Dibawa Masuk Semula Di Pelabuhan Kastam dan Pelabuhan Zon Bebas (Withdraw Shipment)** diedarkan kepada industri.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.10 DELAYED IN APPROVAL IMPORT DUTY EXEMPTION ON CHASIS FITTER WITH ENGINE UNDER THE SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN CUKAI (MYCUKAI UNDER MOF) OLEH FMM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Berdasarkan rekod permohonan bulan Mac dan April 2019, daripada 19 permohonan yang diterima melalui Sistem MyCukai; 16 permohonan telah diselesaikan dalam tempoh

kurang 14 hari manakala 3 lagi permohonan selesai dalam tempoh 17 hari.

- ii. MOF sedang mengkaji untuk memasukkan pengecualian duti eksais bagi *chasis fitted with engine* di dalam Perintah (Pengecualian) yang berkaitan untuk memudahkan proses permohonan secara terus kepada JKDM sahaja.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat mengambil maklum berhubung jawapan yang diberikan Kementerian Kewangan berkenaan dengan Sistem Maklumat Pengurusan Cukai.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.11 DELAYED IN APPROVAL OF EXCISE DUTY EXEMPTION OLEH FMM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Permohonan telah diluluskan melalui surat Kementerian Kewangan bertarikh 8 Januari 2019.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat mengambil maklum berhubung jawapan yang diberikan Kementerian Kewangan berkenaan dengan permohonan tersebut.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.12 SERVICE TAX FOR FREIGHT FORWARDER OLEH FMFF

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. TKPK (Perkastaman / CDN) memaklumkan bahawa beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama FMFF. Pada mesyuarat yang pertama diadakan pada 21 September 2018, telah dimaklumkan kepada pihak FMFF dan SFFLA berkenaan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantar fret (*freight forwarders*).

- ii. Juga beberapa siri mesyuarat bersama YBhg. Dato' Ooi (pegawai khas YB Menteri Kewangan) juga telah dibuat oleh FMFF. Tiada mesyuarat bersama Bahagian Cukai MoF dibuat oleh FMFF.
- iii. Taklimat berkenaan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan *freight forwarder* juga telah dibuat pada 20 Mac 2019 anjuran Kastam Selangor di mana FMFF dan ahli-ahlinya telah dijemput hadir.
- iv. Dua laporan telah dihantar ke Bahagian Cukai MoF pada bulan Mac dan April 2019 bagi mendapatkan pengesahan bertulis akan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan *freight forwarders* dan juga pengesahan tarikh kuat kuasa. Tiada sebarang maklumbalas diterima daripada Bahagian Cukai, MoF.
- v. Pada 3 Mei 2019, Ketua Pengarah Kastam telah mengeluarkan satu emel yang menyatakan bahawa pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan *freight forwarders* adalah ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan diberitahu kelak berkuat kuasa serta merta.
- vi. Kementerian Kewangan memaklumkan, *"The meeting between MOF and Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM) regarding the same issue was held on 14 Mac 2019. It was decided that AFAM should come out with a complete proposal on the implementation of service tax on freight forwarding services. The Ministry has yet to receive any official proposal from AFAM or parties of the industry. Therefore, the current policy applies."*
- vii. Sehubungan dengan perkara ini dan perkara berkaitan yang dibangkitkan oleh wakil CRSA dan SAM mengenai isu perkhidmatan pengurusan dan industri perkapalan contohnya "shipping agents", wakil MIA membangkitkan bahawa kesamaran pengenaan cukai antara lainnya disebabkan skop perkhidmatan pengurusan bercukai termasuk "logistics management" tetapi skop "taxable person" mengecualikan penyedia perkhidmatan pengurusan bagi tujuan pengangkutan ("transport").

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat meminta untuk dikeluarkan satu makluman yang lebih jelas berkaitan dengan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan industri “freight forwarder” dan perkapalan.

TINDAKAN :

KEMENTERIAN KEWANGAN / TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM
(PERKASTAMAN / CDN)

4.13 EXCHANGE RATE NOT UPDATE OLEH AFAM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Cawangan Pengurusan Penilaian (CPP), Bahagian PERTEK, Ibu Pejabat telah mengenalpasti perkara berbangkit dan menjalankan pemantauan yang berterusan bagi memastikan perkara sama tidak berulang.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengerusi Mesyuarat memutuskan bahawa *exchange rate* perlu dikemaskini pada setiap hari Khamis.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

4.14 CUSTOMS PENANG AT KKUK ABOUT COMPOUND OF CUSTOMS FORM OLEH AFAM

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. JKDM Pulau Pinang memaklumkan bahawa DHL merupakan salah satu ejen terbesar yang beroperasi di KKUK yang menawarkan perkhidmatan kurier. Secara purata, jumlah borang DHL yang di akses di KKUK adalah di antara 1000/hari. Secara keseluruhan, borang DHL yang di akses oleh pegawai mencecah 30000 sebulan. Jumlah ini adalah merangkumi borang Kastam 1, Kastam 2, Kastam 3 dan Kastam 8.
- ii. Pengikrarann Borang Kastam yang tidak berkualiti tidak diklasifikasi di bawah kesalahan pentadbiran seperti yang telah di maklumkan pada mesyuarat sebelum ini. Kesalahan pindaan

adalah termaktub di bawah Seksyen 133 dan Seksyen 138 Akta Kastam 1967.

- iii. Memandangkan pihak DHL sering membuat kesalahan pengikraran yang tidak berkualiti, bagi mengawal masalah ini bahagian operasi di KKUK telah mewujudkan buku rekod kesalahan pindaan bagi merekodkan semua pindaan yang terlibat. Buku pindaan ini turut diperluaskan penggunaanya untuk semua ejen di KKUK seperti Fedex, TNT, UPS dan lain-lain.
- iv. Antara kesalahan-kesalahan pindaan yang direkodkan dalam buku ini adalah:
 - i. Pindaan jumlah karton
 - ii. Nama dan alamat penghantar dan penerima
 - iii. Jumlah nilai
 - iv. Nilai matawang
 - v. Pindaan HS Code
 - vi. No Invoice
 - vii. Kod stesen
 - viii. Pengecualian ATS
 - ix. Deskripsi dagangan
 - x. Kesalahan pindaan telah mula direkodkan pada 22 Januari 2018 dengan harapan pihak DHL akan meningkatkan kualiti pengikraran dagangan dalam semua Borang Kastam. Tetapi malangnya, tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak DHL bagi menangani masalah ini walaupun pihak Kastam telah memberi bantuan khidmat nasihat. Kesalahan pindaan ini semakin bertambah dari semasa ke semasa. Sepanjang 2018, setiap pindaan yang ke 10 akan di kompaun oleh

pihak Kastam di bawah kuasa mengkompaun Seksyen 131 Akta Kastam 1967.

b. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Pengurus Mesyuarat mengambil maklum hasil perbincangan antara JKDM Pulau Pinang dan DHL berhubung dengan isu kompaun tersebut.

TINDAKAN : MAKLUMAN / SELESAI

5.0 MEMBINCANGKAN USUL-USUL BARU

5.1 *IMPLEMENTATION OF uCUSTOMS OLEH FMFF*

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- a. *The implementation of uCustoms have been in fits and starts. Presently there is a pilot on release 3 at Westports with 55 users on import and export that do not require permits and are not dutiable. The shipping manifest and ship voyage numbers modules have also been reported as ready.*
- b. *Customs declared timelines for full implementation of uCustoms have changed so often that the industry is skeptical of its implementation date or whether it should be implemented at all.*
- c. *There are too many questions on the viability of uCustoms and whether it should be implemented in such an encompassing approach, as envisioned by customs. What are the results of the pilot run with 55 users and can the system cope with full implementation?*

CADANGAN

- a. *FMFF propose an update on uCustoms to be presented at the coming Customs-Swasta meeting. The presentation should cover the modules that are ready, the pilot runs scheduled, the results and problems from the pilot runs, how and when the problems can be ironed out and retested and the timeline for full implementation of uCustoms.*

- b. *FMFF propose that if the uCustoms cannot be implemented by 31/12/2019, Customs to cancel the uCustoms as a failed project and consider other systems that have been successfully implemented, for e.g. in Korea, Japan, Australia and other countries.*
- c. *Alternatively, Customs may enhance the present SMK to replace the uCustoms.*

d. Mesyuarat membuat keputusan:

- i. Bahagian Perkastaman (uCustoms) memaklumkan bahawa pembangunan sistem uCustoms dilaksanakan secara berperingkat (*staggered approach*).
- ii. Pembangunan dibahagikan kepada 6 *Release*;

Release 1:

Registration User & Broker Affairs
(Status 100%)

Release 2:

*Pilot Seamode-End to End Clearance for Normal Import/Export
14 Scenario Wesports (selected traders)*
(Status 100%)

Release 3:

Pilot Seamode-End to End Clearance Import/Export For All Scenarios, All Traders and Selected locations (North Port, South Port, and Westports) and Pilot Air Mode (KLIA, KLIA2, Penang and Subang), Risk Management System (RMS)
(Status 100%)

Release 4:

Pilot End to End Clearance (all scenarios and all modes), Acceptance Post Clearance (Enforcement, Legal Affairs Scenarios), Post Clearance Audit: End to End
(Status 50%)

Release 5:

*End to End Clearance Sea, Air and Land Mode, MyCOO, Post Clearance: Audit, Enforcement and Legal Affairs, Permit Module for 28 Agencies on NSW
(Status 45%)*

(Peratus keseluruhan pembangunan fizikal sistem uCustoms adalah sebanyak 88.37%).

- iii. *Ship Clearance System (SCS)* untuk Jabatan Laut Malaysia bagi kelulusan kebenaran ketibaan dan pelepasan kapal di Malaysia telah siap sepenuhnya dan *Pilot Live* pada 15 Mei 2019 yang melibatkan agen perkapalan (*selected*) di Pelabuhan Klang.
- iv. Jabatan telah menetapkan pada 7 Mei 2019 semua *journey* bagi kapal yang masuk ke Malaysia adalah wajib didaftarkan di dalam sistem uCustoms.
- v. Pada 1 Jun 2019 Jabatan juga telah mewajibkan semua *manifest* hendaklah dihantar ke dalam sistem uCustoms. Mulai 1 Jun 2019, pihak agen penghantaran wajib menggunakan sistem uCustoms bagi *scenario* yang telah siap dan sedia boleh digunakan (*end to end process*).
